

Disahkan oleh:



.....
Mohamad Azrol Mohamad Dali
Timbalan Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)
15/12/2020

POLIS DIRAJA MALAYSIA
(PDRM)

GARIS PANDUAN PERMOHONAN
LESEN PENIAGA SEKENDHEND

PERMOHONAN LESEN PENIAGA SEKENDHEND

Garis Panduan ini bertujuan menyeragamkan prosedur memproses sesuatu permohonan lesen sekendhend dan kawalan di bawah Akta Peniaga Sekendhend 1946 dan undang-undang yang berkuat kuasa.

1. OBJEKTIF

Memastikan permohonan lesen peniaga sekendhend diuruskan dengan cepat dan betul supaya pengeluaran lesen adalah terkawal bagi menjamin keamanan dan ketenteraman awam.

2. SKOP

Prosedur ini digunapakai untuk memproses permohonan lesen peniaga sekendhend bagi menyimpan semua jenis barang-barang terpakai dan apa-apa bahagian komponen bagi kereta motor terpakai yang diuruskan di peringkat Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD).

3. RUJUKAN

- 3.1. Akta Peniaga Sekendhend, 1946 (Akta 189).
- 3.2. The Secondhand Dealers Ordinance, 1946.

4. DEFINISI

Barang-barang sekendhend adalah merangkumi :

- 4.1. Barang-barang yang disenaraikan di bawah Jadual Kedua Akta Peniaga Sekendhend 1946 iaitu:
 - 4.1.1 Beg-beg guni, kain layar, kanvas;
 - 4.1.2 Botol-botol;
 - 4.1.3 Besi dan logam lama, lain daripada loyang, tembaga, pelambam, zing dan timah bongkah;
 - 4.1.4 Kotak-kotak dan peti-peti kayu yang berlapik dengan timah;
 - 4.1.5 Tin-tin minyak tanah, tong-tong minyak dan lain-lain bekas kosong yang seumpamanya.
- 4.2. Bahagian kereta motor, iaitu apa-apa bahagian komponen bagi kereta motor dan apa-apa tayar, tiub, lampu, alat atau apa-apa pasangan, alatambah, alat cantum atau kelengkapan lain bagi kereta motor.

5. TATACARA PERMOHONAN

5.1 PERMOHONAN BAHARU

5.1.1 BORANG

BLESS :

1. Daftar pengguna melalui BLESS di laman <https://www.bless.gov.my>
2. Isi borang permohonan berdasarkan lesen yang dikehendaki dan hantar (submit) ke IPD yang berkenaan (melalui BLESS).
3. Muat naik dokumen sokongan yang diperlukan.

MANUAL :

1. Borang permohonan, sila klik **POL. 292. pdf**.
2. Isi borang permohonan **POL. 292** dengan lengkap dan kemukakan ke IPD yang berkaitan berserta dokumen sokongan.

5.1.2 DOKUMEN SOKONGAN

Dokumen sokongan yang diperlukan adalah seperti berikut :

1. (1) salinan Kad Pengenalan Pemohon
2. (4) Keping Gambar Pemohon (Saiz Passport)
3. (1) salinan Memorandum & Articles of Association
4. (1) salinan Sijil Pendaftaran Syarikat (Borang 9)
5. (1) salinan Senarai Lembaga Pengarah Syarikat (Borang 49)
6. (1) salinan Borang 24
(*Companies Act. 1965 Return of Allotment of Shares*)
7. (1) salinan Caruman KWSP Syarikat
8. (1) salinan Penyata Bank (bagi 3 bulan terakhir)

9. (1) salinan Cukai Pendapatan
10. (1) salinan geran bagi tanah / premis
11. Surat kebenaran pemilik tanah / premis dan surat perjanjian

5.1.3 TEMPOH PROSES PERMOHONAN

Tempoh proses permohonan baharu mengambil masa 30 hari (waktu bekerja).

5.1.4 KELULUSAN

Permohonan baharu akan diluluskan oleh Ketua Polis Negeri.

5.1.5 LESEN DAN SYARAT

Setelah mendapat kelulusan, pemohon akan dimaklumkan melalui surat oleh IPD berkenaan dan pemohon perlu hadir ke IPD untuk mengambil lesen dan syarat (ditetapkan oleh PDRM).

5.2 PERMOHONAN PEMBAHARUAN

5.2.1 BORANG

BLESS :

1. Daftar pengguna (log-in) melalui BLESS di laman <https://www.bless.gov.my>
2. Isi borang permohonan berdasarkan lesen yang dikehendaki dan hantar (submit) ke IPD yang berkenaan (melalui BLESS).
3. Muat naik dokumen sokongan yang diperlukan.

MANUAL :

1. Borang permohonan, sila klik **POL. 392 A.pdf**.

2. Isi borang permohonan **POL. 392 A** dengan lengkap dan kemukakan ke IPD yang berkaitan berserta dokumen sokongan.

5.2.2 DOKUMEN SOKONGAN

Dokumen sokongan yang diperlukan adalah seperti berikut :

1. (1) salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan (Borang 9)
2. (1) salinan Lesen Perniagaan/ Premis yang dikeluarkan oleh PBT
3. Lesen PDRM yang telah diluluskan (yang asal)

5.2.3 TEMPOH PROSES PERMOHONAN

Tempoh proses permohonan pembaharuan mengambil masa 10 hari (waktu bekerja).

5.2.4 KELULUSAN

Permohonan pembaharuan akan diluluskan oleh Ketua Polis Negeri.

5.2.5 LESEN DAN SYARAT

Setelah mendapat kelulusan, pemohon akan dimaklumkan melalui surat oleh IPD berkenaan dan pemohon perlu hadir ke IPD untuk mengambil lesen dan syarat (ditetapkan oleh PDRM).

5.3 PERMOHONAN PEMBATALAN

5.3.1 BORANG

BLESS :

1. Daftar pengguna (log-in) melalui BLESS di laman <https://www.bless.gov.my>
2. Isi borang permohonan berdasarkan lesen yang dikehendaki dan hantar (submit) ke IPD yang berkenaan (melalui BLESS).
3. Muat naik surat permohonan pembatalan.

MANUAL :

1. Hantar surat permohonan pembatalan ke IPD yang berkaitan.

5.3.2 TEMPOH PROSES PERMOHONAN

Tempoh proses permohonan pembatalan mengambil masa 30 hari (waktu bekerja).

5.3.3 KELULUSAN

Permohonan pembatalan ini akan diluluskan oleh Ketua Menteri/ Menteri Besar.

5.3.4 LESEN

Setelah mendapat kelulusan pembatalan, pemohon perlu mengembalikan lesen asal (yang telah diberi kelulusan).